

Bina 18 loji WtE menjelang 2040

SUNGAI UDANG - Pendekatan inovatif seperti teknologi Waste-to-Energy (WtE) amat bermanfaat sebagai pemacu utama dalam merealisasikan agenda Sifar Sisa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Ng Kor Ming berkata, seiring dengan peningkatan jumlah sisa pepejal saban tahun, negara tidak lagi boleh bergantung kepada kaedah pelupusan konvensional

semata-mata, sebaliknya perlu beralih kepada pendekatan lebih menyeluruh dan berteraskan ekonomi kitaran.

"Sebagaimana kita sedia maklum, konflik yang tercetus antara Amerika Syarikat dan Iran telah menyebabkan gangguan serius di Selat Hormuz, iaitu nadi utama penghantaran tenaga dunia. Selat ini mengendalikan kira-kira 20 peratus bekalan minyak dan gas global, maka sebarang ketidakstabilan di sana mencecutkan kesan rantaian yang amat besar terhadap pasaran tenaga antarabangsa. Malaysia juga tidak terkecuali menerima impak ini.

"Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merancang pembinaan sebanyak 18 buah loji WtE di seluruh negara, yang dijangka berupaya menjana sehingga 600 megawatt tenaga boleh baharu menjelang tahun 2040," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Loji WtE Sungai Udang di tapak WtE Sungai Udang, di sini, 2 April lalu.

Menurutnya, langkah ini bukan sahaja membantu mengurangkan beban tapak pelupusan, malah menyumbang kepada penjanaan tenaga boleh baharu serta pengurangan pelepasan karbon secara signifikan.

Tambah beliau, ia turut menyokong sasaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) iaitu 70 peratus kapasiti tenaga boleh baharu menjelang 2050.

"Perancangan menyeluruh bagi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) turut menekankan pembangunan infrastruktur yang lebih mampan dan berdaya tahan. Dalam tempoh ini, JPSPN telah merangka pelaksanaan sebanyak 38 projek utama merangkumi projek naik taraf tapak pelupusan dan loji rawatan air larut resap, projek penutupan selamat tapak pelupusan, projek pembinaan stesen pemindahan serta perolehan tanah baharu.

"Keseluruhan inisiatif ini melibatkan anggaran peruntukan sebanyak RM1.34 bilion dan mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan sistem pengurusan sisa pepejal negara terus diperkasa secara holistik," katanya.



KOR MING